

## **Majoriti Sokong Hukuman Lebih Berat**

---

**PUTRAJAYA :** Kaji selidik Kementerian Pengangkutan mendapati 94 peratus daripada 345,021 responden menyokong hukuman kesalahan memandu dalam keadaan mabuk membabitkan denda, penjara dan hilang kelayakan lesen memandu ketika ini, diberatkan. Malah, Menterinya, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata, 43 peratus responden pula menyokong hukuman mati dijadikan hukuman setimpal kepada pesalah yang menyebabkan kematian. Mengulas lanjut, katanya tiga peratus daripada keseluruhan responden mengaku pernah memandu selepas mengambil minuman beralkohol, manakala 11 peratus pernah terbabit kemalangan berikutan pemandu mabuk.

“Bagi ruangan pengetahuan mengenai peraturan sedia ada pula, tiga peratus responden tidak tahu memandu di bawah pengaruh alkohol adalah kesalahan dan 65 peratus lagi tak maklum berhubung had alkohol dalam darah (BAC) ditetapkan Akta 333,” katanya dalam temu bual khas sempena 100 hari pelantikan beliau ke jawatan itu.

Mengikut pindaan Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 (Akta 333) berkait isu pemandu mabuk, Ka Siong berkata, ia bakal menyaksikan hukuman lebih berat dikenakan kepada individu yang disabitkan kesalahan memandu secara berbahaya, di bawah pengaruh alkohol atau dadah. Katanya, draf pindaan Akta 333 sudah dihantar ke Jabatan Peguam Negara, sebelum dihantar ke setiap kementerian dan dijangka dibentang pada Mesyuarat Kabinet, minggu hadapan. Beliau berkata, pindaan itu kemudian dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat Julai ini yang akan turut mengambil kira kaji selidik dilakukan kementerian.

Undang-undang sedia ada memperuntukkan individu yang memandu dalam keadaan mabuk dikenakan tindakan mengikut Seksyen 43A(1) APJ 1987 dengan hukuman denda tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM6,000 atau penjara tidak lebih 12 bulan. Bagi kesalahan memandu dalam keadaan mabuk sehingga menyebabkan kematian pula, pesalah boleh dikenakan hukuman mengikut Seksyen 44 akta sama membabitkan denda maksimum RM10,000 dan penjara maksimum 12 bulan.

Ka Siong berkata, pihaknya percaya pindaan akta 333 itu akan mendapat sokongan jika dibentangkan di Dewan Rakyat memandangkan isu berkaitan pemandu mabuk merentasi kepentingan kaum, agama dan politik. “Saya juga ada menerima khidmat pesanan ringkas daripada rakan pembangkang yang menyatakan sokongan terhadap pindaan ini, selain muh hukuman ditingkatkan,” katanya.

Beliau berkata, kerajaan sedia menurunkan had kandungan alkohol dibenarkan ketika memandu mengikut ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). “Ketika ini kadar ditetapkan ialah 35 mikrogram alkohol dalam

100 milimeter (mm) nafas; 80 miligram (mg) alkohol dalam 100mm darah atau 107mg alkohol dalam 100mm air kencing, berbanding paras disaran WHO (0.05g/dl). “Ada pihak mahu kandungan alkohol pemandu ditetapkan pada paras sifar. Namun, ia sukar kerana jika kita minum ubat batuk contohnya, akan ada bacaan alkohol dan ia akan diperhalusi,” katanya.

Mengenai desakan kerajaan memfailkan pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan bagi kes pemandu mabuk, beliau berkata, tindakan diambil perlu mengikut lunas undang-undang. “Jika Seksyen 302 Kanun Keseksaan digunakan, ia perlu dibuktikan di mahkamah bahawa pemandu mabuk terbabit ada niat untuk membunuh mangsa. Kita tak mahu mereka terlepas kerana niat (membunuh) gagal dibuktikan. “Betul kita geram tetapi tidak boleh ambil tindakan melulu. Jika polis mendapati ada unsur jenayah lain, biar mereka gunakan akta bersesuaian untuk tuduh suspek dan biarkan polis jalankan siasatan,” katanya.

---

**SUMBER: BERITA HARIAN| M/S: 14 | 15 JUN 2020**